

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselor)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 12/5/2016

Muka surat: 11

Tajuk : SCFC UNIMAS-ICE dedah pelajar kepada peluang pekerjaan

SFCF UNIMAS-ICE dedah pelajar kepada peluang kerjaya

KOTA SAMARAHAN: Pameran Fokus Sektor Kerjaya-Pendidikan dan Kerjaya Inovasi UNIMAS (SFCF UNIMAS-ICE) 2016 yang bermula pada 11 hingga 12 Mei, mendedahkan pelajar UNIMAS kepada peluang-peluang kerjaya dan latihan dalam pelbagai industri.

Antara industri berkenaan ialah dalam Minyak, Gas dan Tenaga (OGE), kejuruteraan, multimedia kreatif dan perkhidmatan perniagaan global (GBS).

Dirasmikan oleh Pengurusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Hatta Solhi di Dewan Banquet DeTAR PUTRA, UNIMAS hari ini, SFCF UNIMAS-ICE 2016 dianjurkan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) sempena Pusat Pembangunan

Pelajar, UNIMAS.

Turut hadir semasa perasmian berkenaan ialah Naib Canselor UNIMAS, Prof Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi, Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, Datu Ogos Anak Buma dan Ketua Pembangunan Bakat Malaysia - Graduate Employability TalentCorp, Siti Norliza Mohd. Sahar.

Jerayawara ICE yang pertama telah diadakan pada tahun 2014 dengan tujuan untuk mendedahkan pelajar-pelajar UNIMAS dan graduan baru atau bakal pekerja dalam pelbagai bidang dan jenis industri yang memenuhi kursus-kursus tertentu.

Penganjuran kali kedua, yang dikenali sebagai SFCF UNIMAS-ICE telah diadakan pada Oktober 2015, dianjurkan di

bawah siri SFCF TalentCorp yang terdiri daripada pameran kerjaya khusus industri yang merupakan usaha sama antara TalentCorp dan universiti tempatan.

SFCF UNIMAS-ICE berjaya menarik lebih daripada 7,000 pelawat pada tahun lepas termasuk graduan baru UNIMAS, pelajar institusi pendidikan tinggi, pelajar sekolah dan orang ramai.

Siri SFCF meningkatkan kesedaran kerjaya dan memupuk pemahaman yang lebih baik dalam sektor ekonomi utama Malaysia dengan membolehkan graduan bertemu dengan pemimpin korporat dan wakil kanan sumber manusia daripada syarikat-syarikat yang mengambil bahagian.

Pada masa yang sama, siri SFCF ini menyediakan platform untuk syarikat-syarikat untuk mencari bakat berpotensi dari universiti-universiti di Malaysia.

Para pelajar dan pengunjung di SFCF UNIMAS-ICE 2016 turut berpeluang bertemu langsung dengan syarikat peneraju seperti Aegis BPO, IRDA, GAMUDA, ASTRO, Axiate Group, Ernst & Young, Continental Automotive, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Teach for Malaysia.

Lebih daripada 50 syarikat membuka gerai masing-masing dan menjawab apa juar persoalan mengenai perniagaan dan pengunjung yang berminat mendapat perkerjaan boleh menghantar permohonan mereka.



SIMBOLIK ... Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Dr Hatta Solhi dalam upacara simbolik majlis Perasmian Sector Focused Career Fair (SFCF); UNIMAS Innovation, Career and Education Fair (ICE) 2016 di Unimas Kuching semalam. • ANDRE OLIVEIRO